

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Tarikh Cetakan:

#### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Polisi Insurans ATM Shield. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Allianz”/”Kami”)  
Nama Produk : ATM Shield

#### 1. Apakah produk ini?

ATM Shield adalah polisi insurans yang menyediakan pampasan bagi kehilangan atau kerosakan kepada Barangan Peribadi, kehilangan wang tunai akibat Ragut atau Percubaan Ragut yang berlaku dalam tempoh dua puluh empat (24) jam pengeluaran dari ATM daripada Akaun Bank Orang Yang Diinsuranskan, pendapatan hospital, perbelanjaan perubatan dan kecederaan anggota badan disebabkan sepenuhnya oleh keganasan, kemalangan, kesan luaran dan nyata semasa kejadian Ragut atau Percubaan Ragut yang mengakibatkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal.

#### 2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Polisi ini meliputi:

Faedah-Faedah	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)	
	Pelan A	Pelan B
Kematian/Hilang Upaya Kekal	10,000	10,000
Pendapatan Hospital (sehingga 30 hari)	50	50
Kehilangan Wang Tunai yang Dikeluarkan dari ATM (sehingga maksimum 3 kejadian dalam tempoh setahun polisi)	1,000	1,000
Kehilangan atau Kerosakan kepada Barangan Peribadi (sehingga setiap kejadian)	1,000	1,000
Perbelanjaan Perubatan	Tidak Dilindungi	1,000

*Nota: Sila rujuk kepada keterangan penuh dan faedah dan skala faedah dalam kontrak polisi.*

#### 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)
Premium Tahunan	RM50	90

Sila tambah RM10 untuk Duti Setem.

#### 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan (hanya untuk polisi korporat)	6% of premium

Berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), kami, syarikat insurans, akan mengenakan GST yang berkenaan untuk tempoh perlindungan yang berkenaan selaras dengan keperluan perundangan GST.

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

(a) Kepentingan pendedahan

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans di buat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Tunai Sebelum Perlindungan – Premium mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Insurans ini terbatal dan tidak sah secara serta-merta jika syarat ini tidak dipatuhi.
- (c) Kelayakan – Orang Yang Diinsuranskan berumur di antara 18 tahun dan 70 tahun.

**6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Perang, perang saudara, bunuh diri, melahirkan anak, gila, penyakit, di bawah pengaruh dadah, kerugian yang berlaku dari kecurian kad ATM, urusan niaga tanpa kebenaran dan penipuan.

*Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.*

**7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada Allianz. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut, mana-mana terkemudian. Setelah pembatalan, sebarang pulangan bayaran premium adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Itu adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kami pihak kami tentang sebarang perubahan dalam profil anda dan butir-butir peribadi untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu ejen berdaftar kami, pejabat cawangan atau khidmat pelanggan kami.

**9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad**  
(berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia)  
**Jabatan Khidmat Pelanggan**  
**Blok 2A, Tingkat Bawah**  
**Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5**  
**Kuala Lumpur Sentral**  
**50470 Kuala Lumpur**

Tel. : 03-22641188, 03-22640688  
Bebas Tol : 1-300-88-1028  
Faks : 03-22641199  
Emel : [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

**10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:**

- (a) Allianz Shield

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTILAH MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN**

**YANG PENAMA TERSEBUT MENYEDARI TENTANG POLISI KEMALANGAN PERIBADI YANG TELAH ANDA PEROLEHI. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN INSURANS ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/01/2015.